

**AMANAT TAHUN BARU
DARIPADA
YANG AMAT ARIF KETUA HAKIM NEGARA
TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**

'MENGIMBAS KEMBALI 2020 & ASPIRASI 2021'

Pendahuluan

[1] Tahun Baru 2021 telah menjelang tiba. Bagi pihak Badan Kehakiman Malaysia, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru dan semoga di tahun baru anda berbahagia, selamat, sihat wal-afi'at dan sejahtera.

[2] Adalah menjadi tradisi Badan Kehakiman untuk menganjurkan Pembukaan Tahun Perundangan pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, keadaan pandemik COVID-19 tidak mengizinkan kita untuk berbuat demikian pada tahun 2021.

[3] Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kehidupan dan mata pencarian ramai rakyat Malaysia. Ia telah membawa begitu banyak perubahan dan cabaran dalam kehidupan seharian yang sememangnya tidak dapat kita ramal pada awal tahun ini. Ia telah merubah dunia pekerjaan. Di seluruh Malaysia dan serata dunia, tempat dan amalan kerja terpaksa diadaptasi dengan norma baharu demi mengekang penularan virus. Bagi berjuta-juta pekerja, norma baharu ini bermakna mereka perlu bekerja dari rumah dan ramai yang lainnya terpaksa meneruskan pekerjaan mereka dalam keadaan yang sangat mencabar.

[4] Cabaran utama yang timbul akibat pandemik ini adalah untuk memastikan bahawa pentadbiran kehakiman tidak terhenti lantaran langkah-langkah sekatan yang dikenakan bagi tujuan mengawal penyebaran pandemik tersebut. Justeru, pelbagai usaha penting telah dilakukan terhadap sistem kehakiman bagi memastikan kelancaran prosiding undang-undang, meskipun terdapat pelbagai kekangan. Keutamaan kita ialah untuk memastikan akses kepada keadilan yang berterusan kepada semua orang awam dan pada masa yang sama turut memastikan keselamatan orang awam dan warga kehakiman terpelihara.

[5] Kedatangan tahun 2021 menuntut kita untuk menyorot kembali tahun yang lalu, dan memandang ke hadapan.

[6] Semasa Pembukaan Tahun Perundangan 2020, saya telah memperkatakan tentang kepentingan sinergi antara pelbagai pemegang taruh dalam sistem keadilan dan peningkatan penggunaan teknologi yang tidak dapat dielakkan dalam akses kepada keadilan. Dalam menyambut kedatangan Tahun Baru 2021, saya ingin mengimbas kembali pencapaian Badan Kehakiman pada tahun 2020 dan apa yang dirancang untuk tahun 2021.

[7] Dalam hal ini, tumpuan amanat saya ialah seperti yang berikut. Saya akan terlebih dahulu **(A)** menyatakan secara ringkas peranan penting yang dimainkan dan akan terus dimainkan oleh teknologi dalam meningkatkan proses kehakiman. Seterusnya, saya akan **(B)** menjelaskan langkah-langkah tertentu yang ingin dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan lagi kecekapan. Saya juga akan **(C)** secara ringkas menyentuh usaha-usaha Badan Kehakiman untuk menambah baik

perhubungan awam. Saya kemudiannya akan turut **(D)** mengulangi komitmen dalam mendukung prinsip Kedaulatan Undang-undang.

A. Memanfaatkan Teknologi

[8] Kesan pandemik dapat dirasakan sepenuhnya pada bulan Mac 2020. Dalam tempoh tersebut seluruh negara berada dalam sekatan pergerakan. Badan Kehakiman tidak dapat beroperasi secara sepenuhnya memandangkan ia tidak tersenarai sebagai salah satu perkhidmatan penting. Akibatnya, terdapat orang awam, termasuklah peguam telah tersalah anggap bahawa Mahkamah dengan sengaja enggan beroperasi seperti biasa. Oleh itu, bertindak di luar kebiasaan, Badan Kehakiman terpaksa mengeluarkan pernyataan sebagai respons untuk memperbetulkan tanggapan salah tersebut.

[9] Badan Kehakiman sentiasa bersedia memberikan akses keadilan kepada orang awam sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Hal ini mendorong Badan Kehakiman untuk menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh atau lebih dikenali sebagai perbicaraan dalam talian. Pada mulanya, perbicaraan dalam talian bagi kes sivil adalah terhad kepada persetujuan pihak-pihak. Sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju untuk menjalankan perbicaraan tersebut secara dalam talian, kes tersebut akan ditangguhkan sehingga akhirnya dapat didengar di Mahkamah terbuka.

[10] Dalam kes-kes jenayah, terdapat kesukaran untuk mendengar kes-kes tersebut secara dalam talian memandangkan hak untuk perbicaraan

yang adil memerlukan kehadiran tertuduh dalam prosiding yang dijalankan terhadapnya.

[11] Hal ini menjadi lebih sukar dengan ketiadaan kerangka perundangan yang secara jelas membenarkan perbicaraan dalam talian. Bagi mengatasi kesulitan ini, Badan Kehakiman telah mengusulkan pindaan tertentu terhadap undang-undang utama yang berkaitan iaitu Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 walaupun konsep “keadilan terbuka” sudah pun terangkum secara nyata dalam undang-undang tersebut.

[12] Parlimen telah dengan pantas meluluskan pindaan yang memperuntukkan kuasa secara nyata bagi menjalankan perbicaraan secara dalam talian. Undang-undang ini telah mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2020 dan semenjak itu, persetujuan pihak-pihak menjadi kurang penting. Dalam hal ini, baru-baru ini Jawatankuasa Kaedah-kaedah telah meluluskan pindaan terhadap Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994 untuk mengawal selia dan menetapkan tatacara berhubung dengan pengendalian perbicaraan secara dalam talian. Pindaan tersebut telah mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2020. Untuk menjelaskan lagi kerangka perundangan tersebut dan untuk memastikan momentum pelaksanaan perbicaraan dalam talian berterusan, Arahan Amalan dan garis panduan berkaitan akan dikeluarkan yang akan berkuat kuasa pada Januari 2021.

[13] Pada awalnya, para peguam – dan saya mohon maaf kerana menyatakan perkara ini - terutamanya peguam yang lebih kanan kurang

memberi sokongan terhadap perbicaraan secara dalam talian. Alasan biasa ialah kononnya wujud ketidakupayaan untuk mendapatkan suatu perbicaraan yang adil dan kehilangan kemahiran kepeguaman. Sesungguhnya, fasa awal perubahan dan anjakan bukanlah sesuatu yang mudah; ramai yang menyamakan pengendalian suatu perbicaraan di “mahkamah terbuka” dengan kehadiran hakim, peguam dan semua pihak secara fizikal di bilik bicara mahkamah. Meskipun begitu, setelah meneliti dan “mencuba proses tersebut”, kita akhirnya mendapat maklum balas yang positif.

[14] Sebenarnya, infrastruktur teknologi Badan Kehakiman sudah lama diwujudkan. Sebagai contoh, *e-Review* telah dilaksanakan semenjak tahun 2018 di kompleks mahkamah-mahkamah utama sementara pula telah dilaksanakan semenjak setengah dekad yang lalu. Oleh itu, pendigitalan bukanlah sekadar anjakan paradigma semata-mata, sebaliknya adalah suatu langkah ke arah mencapai tujuan yang sama.

[15] Kita telah mensasarkan agar semua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Malaysia dilengkapi dengan platform e-Kehakiman pada bulan Februari, 2021. Platform e-Kehakiman ini adalah platform asas yang merangkumi pelbagai aspek seperti *e-Review*, *e-Filing*, *e-Lelong* dan sebagainya. Bagi tujuan ini, semua bilik perbicaraan di Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rendah akan dinaik taraf untuk menampung keperluan platform e-Kehakiman tersebut.

B. Meningkatkan Kecekapan

e-Appellate

[16] Perkembangan teknologi yang dinyatakan sebelum ini berfungsi untuk meningkatkan lagi kecekapan proses kehakiman. Bagi mereka yang sudah lama berada dalam sistem ini semestinya akan terkenang pengalaman tahun-tahun yang lampau – bergegas ke Mahkamah untuk memfailkan dokumen dengan harapan dapat mengelak daripada beratur panjang serta masa menunggu yang lama untuk pemprosesan satu-satu dokumen. Sebahagian besarnya, perkara tersebut kini menjadi peninggalan masa lalu.

[17] Sistem *e-Filing* bukan sahaja dapat mengurangkan birokrasi secara signifikan tetapi juga telah membuka jalan untuk pendengaran perbicaraan yang lebih lancar. Seperti yang diumumkan dalam ucapan saya pada Pembukaan Tahun Perundangan 2020, sejurus sebelum pelaksanaan PKP, kita telah melaksanakan sistem *e-Appellate* untuk rayuan yang didengar oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang bersidang di Sabah dan Sarawak. Dengan *e-Appellate*, pendengaran dijalankan tanpa kertas. Modul ini telah diperluas kepada pendengaran rayuan di Istana Kehakiman.

[18] Mekanisme *e-Appellate* telah mendapat sambutan yang memberangsangkan. Sebelum ini, pihak peguam akan merujuk ikatan dokumen yang ada pada mereka sendiri dan akan menunggu para hakim untuk turut merujuk dokumen yang sama. Kini, kedua-dua pihak, hakim dan peguam akan berkongsi skrin dengan dokumen yang sama telah tersedia dan disiapkan terlebih dahulu. Semasa perbicaraan, biasanya

peguam *junior* akan membantu peguam kanan untuk melayari (*navigate*) skrin dan merujuk hakim secara terus kepada petikan yang berkenaan. Ini menjimatkan masa dan kertas dan memastikan bahawa semua pihak di Mahkamah dapat merujuk halaman yang sama pada setiap masa.

[19] Pada bulan Disember 2020, projek rintis telah dimulakan di Mahkamah Tinggi terpilih di Kuala Lumpur. Projek ini dinamakan 'e-Bicara' di mana semua rayuan - jenayah dan sivil - yang dirayu daripada Mahkamah Rendah didengar secara keseluruhannya tanpa kertas. Setakat ini, projek ini nampaknya berfungsi dengan baik dan pada tahun 2021 akan diperluaskan ke seluruh Mahkamah Tinggi di Malaya.

[20] Dalam hal yang berkaitan dengan perbicaraan, semasa peringkat awal pelaksanaan PKP dan PKPB, kita telah memutuskan bahawa adalah lebih baik untuk menangguhkan perbicaraan sehingga kita dapat menstabilkan pendengaran secara dalam talian. Ini memandangkan kita menerima bantahan keras daripada pemegang taruh terutamanya daripada Majlis Peguam.

[21] Kita prihatin kerisauan yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam dalam menjalankan perbicaraan secara dalam talian, seperti kebarangkalian wujudnya "bimbing saksi" (*witness-coaching*). Pada masa ini, kita mempunyai peruntukan baharu yang dimasukkan sebagai Aturan 33A dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan telah berkuat kuasa mulai pada 15 Disember 2020. Aturan 33A mengandungi tatacara khusus mengenai bagaimana perbicaraan dalam talian dijalankan. Bahkan sebelum Aturan 33A berkuat kuasa, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur telah pun berjaya menjalankan pemeriksaan terhadap saksi secara dalam

talian. Tiada proses yang sempurna, tetapi kita perlu bergerak sejajar dengan perkembangan semasa.

[22] Pada bulan Disember 2020 juga, Badan Kehakiman telah memutuskan untuk mendengar petisyen penerimaan masuk peguambela dan peguamcara secara dalam talian. Peguam baharu mungkin akan merasa kecewa kerana tidak dapat merasai pengalaman berada dalam suasana mahkamah terbuka yang penuh takzim dan gah sebagai salah satu saat penting dalam kerjaya mereka. Walau bagaimanapun, setelah prosiding mereka disiarkan secara dalam talian di platform seperti *YouTube* ia telah menambah dimensi unik terhadap pendengaran '*call to the Bar*' mereka yang tidak dinikmati oleh peguam-peguam terdahulu. Hari istimewa mereka bukan sahaja disaksikan oleh keluarga dan sahabat-handai malahan disaksikan sama oleh seantero dunia.

Masa Kehakiman

[23] Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti, mulai Januari 2021, kita akan menguatkuasakan dengan lebih tegas arahan yang dikeluarkan sebelum ini berhubung dengan pemfailan hujahan bertulis secara *e-Filing* di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Kita juga telah membuat perubahan dalam tatacara mendengar usul kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[24] Arahan Amalan sedia ada memerlukan pihak-pihak untuk memfailkan hujahan 14 hari sebelum tarikh perbicaraan kes mereka.¹

¹ Arahan Amalan Mahkamah Persekutuan Bil. 1 Tahun 2018 and Arahan Amalan Mahkamah Rayuan Bil.1 Tahun 2017.

Walau bagaimanapun, majoriti peguam - baik pengamal persendirian mahupun daripada Perkhidmatan Perundangan - tidak mematuhi kehendak ini. Sebilangan besar memfailkan hujahan mereka sehari sebelum malahan ada yang mengemukakan hujahan pada pagi tarikh perbicaraan itu sendiri.

[25] Arahan-Arahan Amalan dikeluarkan untuk memudahkan pentadbiran keadilan. Apa yang lebih penting, sekiranya pihak-pihak mengharapkan para hakim untuk mempertimbangkan dan memberikan keputusan yang baik, masa yang mencukupi perlu diberikan kepada para hakim untuk membaca hujahan bertulis yang menjadi pelengkap kepada hujahan lisan. Saya sangat percaya bahawa pematuhan kepada Arahan-Arahan Amalan dan garis masa akan meningkatkan kecekapan kehakiman dan akan menyumbang kepada penghakiman yang berkualiti oleh hakim-hakim.

[26] Sehubungan itu, kita kini berharap agar garis masa dapat dipatuhi dengan ketat. Semua hujahan yang difailkan di luar tempoh 14 hari tanpa kebenaran mahkamah akan ditolak secara automatik. Bagi menjelaskan perkara ini, pihak-pihak yang hujahan bertulisnya ditolak kerana tidak mematuhi garis masa akan tetap diberi peluang untuk berhujah di Mahkamah secara lisan.

[27] Berhubung dengan permohonan kebenaran untuk merayu, kita akan menghadkan hujahan secara lisan selama 20 minit bagi setiap pihak (tidak termasuk masa yang diambil oleh mahkamah untuk mengajukan pertanyaan). Usul untuk kebenaran merayu bukanlah suatu rayuan. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan situasi, hujahan dikemukakan seolah-olah usul tersebut adalah suatu rayuan dan hujahan

kebenaran untuk merayu biasa mengambil masa lebih daripada setengah hari, walaupun undang-undang atau prinsip-prinsip mengenai seksyen 96(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah mantap.

[28] Seperti yang saya selalu nyatakan sebelum ini, masa kehakiman adalah terlalu berharga untuk para Hakim. Walau apa pun, peraturan masa yang ketat ini adalah tertakluk kepada pengecualian. Mahkamah boleh membenarkan pelanjutan masa jika hal keadaan memerlukan.

[29] Apa yang kita cadangkan ini bukanlah merupakan suatu perkara yang baharu atau sesuatu yang keterlaluan, dan pendekatan ini bukanlah sesuatu yang unik bagi kita. Mahkamah Agung di Amerika Syarikat terkenal dengan pematuhan tegas terhadap masa. Peraturannya adalah pihak-pihak diminta untuk mengemukakan hujahan bertulis atau "ringkasan" dan setelah itu pihak-pihak hanya dibenarkan untuk mengemukakan hujahan lisan kes masing-masing selama 30 minit sahaja. Tatacara yang ketat ini adalah terpakai berhubung dengan rayuan sebenar, tanpa mengira kerumitan kes-kes tersebut dan perlu diingat bahawa masa yang ditetapkan adalah termasuk pertanyaan-pertanyaan mencabar yang diajukan oleh hampir kesemua 9 orang hakim yang bersidang secara *en banc*.

[30] Para peguam di Amerika Syarikat sangat maklum hal ini dan pematuhan mereka menunjukkan rasa hormat terhadap mahkamah atasan mereka. Tinjauan yang dibuat di laman web Kehakiman Amerika Syarikat menunjukkan bahawa Mahkamah Agung hanya menerima

antara 100 hingga 150 kes daripada 7000 kes yang difailkan untuk semakan setiap tahun di seluruh 50 buah negeri.²

[31] Apa yang kita cadangkan untuk dilaksanakan adalah pendekatan yang lebih berhati-hati supaya usul kebenaran untuk merayu tidak lagi dikelirukan atau dikendalikan seperti rayuan. Tambahan pula, pematuhan masa ini hanya akan dilaksanakan, pada masa ini, untuk pendengaran secara fizikal dan bukan pendengaran dalam talian.

[32] Mereka yang kerap hadir di Mahkamah Persekutuan tentunya menyedari bahawa komposisi panel persidangan telah dikurangkan kepada 3 orang hakim bagi setiap panel. Selain kes-kes berkepentingan awam dan perlembagaan yang terdiri dari 7 atau sembilan 9 orang ahli panel, semua kes lain - kes sivil dan jenayah - kini didengar oleh 3 orang ahli panel.

[33] Seterusnya, permohonan kebenaran yang berbangkit daripada permohonan interlokutori adalah didengar oleh seorang Hakim Mahkamah Persekutuan menurut seksyen 97(3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

[34] Rasional di sebalik perkara ini adalah untuk memberi lebih ruang kepada hakim yang tidak bersidang untuk mengimbangi jadual pendengaran mereka dengan tugas menulis alasan penghakiman. Pada masa yang sama ia juga bertujuan menambah bilangan panel yang bersidang. Kita berharap dapat menyusun strategi dan mengurus penggunaan masa kehakiman yang berharga dengan lebih baik demi

² Lihat di [sini](#).

meningkatkan lagi kecekapan dalam pentadbiran kehakiman. Sekali lagi, ini bukanlah idea yang unik bagi kita kerana di Amerika Syarikat, 4 orang hakim mesti terlebih dahulu bersetuju untuk mendengar sesuatu kes sebelum “*full bench*” mendengar kes itu atas merit. Undang-undang bertulis kita secara jelas membenarkan seorang hakim Mahkamah Persekutuan mendengar permohonan kebenaran untuk merayu. Kita juga sedang meneliti untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk menaikkan batas (*threshold*) bagi kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Rayuan, daripada keputusan Mahkamah Rendah.

[35] Seperti yang telah diumumkan dalam ucapan saya sebelum ini, Badan Kehakiman juga telah mencadangkan pindaan undang-undang untuk menghadkan rayuan interlokutori tertentu. Dalam hal ini, kita sedang dalam proses untuk menyediakan draf Rang Undang-undang, bagi meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pindaan tersebut bertujuan untuk menghalang rayuan terhadap penolakan permohonan penghakiman terus atau pembatalan pliding. Dalam menghalang rayuan tersebut, kita tidak menjangkakan wujud sebarang prejudis atau ketidakadilan kepada pemohon memandangkan pihak-pihak berpeluang untuk membuktikan kes mereka dalam perbicaraan penuh. Hak rayuan tetap ada sekiranya permohonan tersebut dibenarkan.

[36] Berdasarkan pindaan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 yang terkini, kita mempunyai peruntukan yang menghadkan penangguhan sebanyak maksimum tiga kali melainkan jika pihak-pihak dapat memuaskan hati hakim sebaliknya. Alasan yang mendasari perubahan ini adalah untuk mengelakkan kelewatan yang tidak munasabah bagi pelupusan perbicaraan penuh dan juga memastikan bahawa kes-kes dapat dimulakan dengan segera.

[37] Inisiatif lain yang telah diambil untuk meningkatkan lagi kecekapan adalah dengan mewakilkan tugas Hakim Mahkamah Tinggi kepada Hakim Mahkamah Sesyen setakat yang boleh dilaksanakan. Saya telah sebelum ini mengumumkan bahawa Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen yang terpilih akan dilatih untuk mendengar kes undang-undang keluarga yang tidak dipertikaikan. Dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa latihan telah dijalankan untuk Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen tersebut dan pada 1 November 2020, Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen terpilih telah dilantik untuk mendengar kes undang-undang keluarga tersebut.

Perkara Lain Yang Memerlukan Pendigitalan

[38] Di Mahkamah Majistret, sebilangan besar kes adalah terdiri daripada kes kesalahan lalu lintas, di mana kebanyakannya berakhir dengan pengakuan bersalah dan hukuman denda. Kes-kes tersebut tidak memerlukan penelitian kehakiman yang serius seperti kes-kes jenayah berat lain yang juga didengar di Mahkamah-Mahkamah tersebut.

[39] Walaupun demikian, mengambil kira bilangan kes yang terlalu tinggi, kes kesalahan lalu lintas telah mengambil banyak masa kehakiman. Bagi bulan Januari hingga Oktober 2020, sejumlah 882,013 kes kesalahan lalu lintas telah didaftarkan di semua Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia. Berbanding tahun 2019 yang mencatatkan 1,396,188 kes, bilangan kes yang didaftarkan pada tahun 2020 adalah lebih rendah. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sekatan pergerakan. Walau bagaimanapun, kes-kes yang didaftarkan tetap tinggi. Hal ini mewajarkan Badan Kehakiman untuk memudahkan lagi proses pelupusan kes kesalahan lalu lintas secara pendigitalan.

[40] Rancangan Badan Kehakiman untuk tahun 2021 adalah untuk mendigitalkan proses pengakuan bersalah dalam kes kesalahan lalu lintas dan membenarkan pembayaran denda secara elektronik. Pada masa ini, terdapat mekanisme dalam seksyen 137 Kanun Tatacara Jenayah yang membolehkan seseorang yang dituduh untuk mengaku bersalah melalui surat. Melalui kaedah tersebut, Majistret dibenarkan untuk mengecualikan kehadiran tertuduh, untuk mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman denda sahaja. Walau bagaimanapun, peruntukan ini jarang digunakan. Statistik terkini menunjukkan tiada sebarang pengakuan bersalah dibuat melalui surat.

[41] Bagi mengurangkan kesesakan dan untuk meningkatkan lagi akses kepada keadilan dan kecekapan Mahkamah Majistret, adalah dicadangkan, sebagai tambahan kepada kaedah pengakuan bersalah melalui surat, untuk membenarkan penerimaan pengakuan bersalah dan untuk menjatuhkan hukuman denda sahaja, melalui sistem elektronik yang ditetapkan. Kaedah ini telah dilaksanakan di beberapa negara lain seperti Singapura, England dan Wales serta Australia.

[42] Pendigitalan kes kesalahan lalu lintas menjadi pelengkap kepada e-Jamin, suatu sistem yang membolehkan pembayaran jamin secara dalam talian. Sistem e-Jamin telah pun beroperasi sepenuhnya. Kita juga akan memperkenalkan ciri yang membolehkan tertuduh menjelaskan bayaran denda melalui sistem e-Jamin. Ini akan dapat menjimatkan masa dan memudahkan tertuduh untuk membuat pembayaran. Kita telah mengembangkan sepenuhnya *e-Courts Finance*, yang merupakan kaedah pembayaran secara dalam talian dan tanpa tunai, ke seluruh Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak, sistem ini akan siap pada akhir tahun 2021.

[43] Apabila sistem pengakuan bersalah secara elektronik dilaksanakan, projek seterusnya adalah untuk menggabungkannya dengan teknologi '*Artificial Intelligence*' (AI) sebagai garis panduan penghukuman. Mahkamah Rendah di Sabah dan Sarawak telah menerajui integrasi penggunaan AI dalam menjatuhkan hukuman untuk kesalahan tertentu. Bagi memastikan keselarasan dalam menjatuhkan hukuman, kita berusaha untuk melakukan perkara yang sama di Semenanjung Malaysia bagi kes-kes tertentu dan kita berhasrat untuk menggabungkannya dengan sistem pengakuan bersalah melalui teknologi AI. Projek ini sedang dalam proses untuk dilaksanakan pada akhir tahun 2021 tertakluk kepada wujudnya undang-undang berhubung sistem pengakuan bersalah secara elektronik tersebut.

[44] Dalam usaha untuk memberi khidmat kepada para pemegang taruh dengan lebih baik, kita telah mencadangkan pindaan pada Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pindaan ini akan membolehkan notis rayuan dan rekod rayuan disampaikan kepada Mahkamah secara elektronik. Cadangan ini adalah selari dengan komitmen kita untuk memanfaatkan teknologi sepenuhnya, mengurangkan kos operasi dan tanpa kertas. Kita juga berharap dapat melindungi alam sekitar.

[45] Projek seterusnya yang akan dimulakan pada tahun 2021 adalah e-Pesuruhjaya Sumpah. Projek ini merangkumi sistem yang mendigitalkan sepenuhnya proses permohonan Pesuruhjaya Sumpah. Permohonan akan dihantar dan diproses secara dalam talian dan peperiksaan serta temuduga juga akan dilakukan secara dalam talian. Keputusan peperiksaan akan diumumkan pada hari yang sama. Sistem ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya bermula pada 25 Januari 2021 dan orang

awam serta peguam juga boleh membuat carian berkaitan lokasi berdekatan Pesuruhjaya Sumpah dengan cara melayari laman web rasmi Badan Kehakiman.

[46] Dengan penggunaan teknologi di seluruh hierarki kehakiman, peguam dan litigan tidak lagi perlu membawa banyak dokumen ke Mahkamah. Anda hanya perlu membawa komputer riba atau i-Pad.

[47] Untuk memudahkan transaksi di kaunter, kita juga telah melaksanakan penggunaan kod QR untuk pengesahan dokumen Mahkamah. Pengimbasan kod QR akan membantu kakitangan perkeranian dalam mengesahkan ketulenan perintah Mahkamah sekaligus dapat mengurangkan risiko penipuan dan pemalsuan perintah Mahkamah.

Prasarana Fizikal

[48] Selain pendigitalan, meningkatkan kecekapan juga memerlukan penambahbaikan prasarana fizikal dan pengagihan tugas yang seimbang. Dalam hal ini, saya ingin, bagi pihak Badan Kehakiman, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia kerana memperuntukkan anggaran belanjawan sekitar RM120 juta untuk kerja-kerja pengubahsuaian dan penyelenggaraan. Kita berhasrat untuk memanfaatkan sepenuhnya dana ini untuk meningkatkan dan mengekalkan bukan sahaja kemudahan elektronik tetapi semua aspek prasarana fizikal.

[49] Dari segi akses kepada keadilan, saya telah mengumumkan bahawa Mahkamah Sesyen yang baharu akan ditubuhkan di daerah

Besut dan Langkawi. Kedua-dua mahkamah ini telah pun beroperasi sepenuhnya. Kita juga telah menubuhkan satu lagi Mahkamah Sesyen di Kuala Selangor. Untuk membolehkan jangkauan yang lebih luas bagi mereka yang tinggal di kawasan tanpa Hakim Sesyen/Majistret residen, kita telah mempertingkatkan persidangan mahkamah litar.

[50] Bermula 10 Januari 2021, Mahkamah Litar Sesyen dan Majistret Setiu di Terengganu akan beroperasi di lokasi baru di Taman Tarom Permai, Setiu. Ia tidak lagi praktikal untuk kekal di lokasi semasa di Pusat Bandar Permaisuri di mana kita telah beroperasi selama 38 tahun. Premis tersebut bukan sahaja terlalu kecil malahan sudah usang. Bagi memastikan bahawa kakitangan Mahkamah bekerja dalam persekitaran yang kondusif dan seterusnya dapat menghasilkan produktiviti yang lebih baik, Mahkamah di Papar (Sabah), Mukah dan Kapit (Sarawak) dan Pengerang (Johor) juga akan dipindahkan ke premis yang baharu.

[51] Bagi Mahkamah Tinggi yang baru ditubuhkan di Sungai Petani, operasi sedang berjalan dengan lancar. Berdasarkan peningkatan jumlah kes, tidak lama lagi kita akan menubuhkan Mahkamah Tinggi tetap di Klang agar kes-kes di sana tidak lagi perlu dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dari Shah Alam secara litar. Untuk meringankan beban kerja hakim di Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi akan ditubuhkan di Butterworth untuk mendengar kes jenayah. Hakim tambahan juga akan ditempatkan di Mahkamah Tinggi di Kota Bharu.

[52] Satu lagi ciri fizikal utama di bilik bicara mahkamah ialah Sistem Rakaman & Suara ke Teks - atau ringkasannya: 'RVT'. Ciri ini adalah untuk menggantikan Transkripsi Rakaman Mahkamah (CRT). Aspek penting setiap perbicaraan merangkumi penyediaan nota prosiding. Pada

masa ini, terutamanya di Mahkamah Rendah, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret memberi tumpuan masa yang banyak untuk menyiapkan nota prosiding. Peguam dan litigan juga membelanjakan sejumlah wang untuk mendapatkan '*transcriber*' profesional untuk menjadikan CRT transkrip bercetak. Selaras dengan akses kepada keadilan, terdapat keperluan untuk mengurangkan kos. Justeru, cadangan untuk RVT dilaksanakan

[53] Pada dasarnya RVT memerlukan pemasangan perkakasan khusus di bilik perbincangan bagi menggantikan CRT. Peranti perkakasan RVT adalah dilengkapi dengan aplikasi suara-ke-teks yang mampu mengubah ucapan menjadi transkrip bertulis. Kita sedar bahawa sistem ini tidak sempurna tetapi, sebagai sistem pintar, ia mampu beradaptasi. Matlamatnya adalah agar sistem RVT dapat mentranskripsikan keterangan saksi dan hujahan lisan secara betul dan automatik ke dalam bentuk bertulis. Hakim dan peguam hanya perlu meneliti produk akhir untuk mengesahkan ketepatan transkripsi. Pemasangan sedang dijalankan dan dijangka selesai di 55 lokasi meliputi 320 bilik bicara pada Januari 2021 kecuali di Ipoh. Kita menjangkakan RVT dapat dilaksanakan menjelang April 2021.

C. Perhubungan Awam

[54] Bidang tumpuan utama yang lain adalah perhubungan awam. Saya ingin menegaskan bahawa Badan Kehakiman bukanlah sebuah institusi politik dan oleh itu tidak memerlukan pujian atau pengiktirafan orang awam. Institusi ini berkembang dan memperoleh kekuatannya melalui kepercayaan masyarakat terhadapnya. Sudah menjadi amalan bahawa badan kehakiman dalam suatu sistem '*adversarial*' tidak memberikan

respons terhadap sebarang kritikan kecuali dalam keadaan yang terhad melalui penghakiman mereka sahaja.

[55] Pandemik yang berlaku telah mendorong Badan Kehakiman untuk memainkan peranan proaktif dan bukan reaktif dalam bidang komunikasi terutamanya dengan kewujudan media sosial. Hubungan yang berterusan dengan orang awam adalah penting untuk mendidik dan memberi mereka maklumat yang tepat. Oleh itu, melalui laman web dan melalui media sosial, Badan Kehakiman Malaysia telah secara konsisten mengeluarkan kenyataan akhbar sebagai makluman kepada semua mengenai perkembangan terkini operasi Mahkamah semasa tempoh pandemik.

[56] Untuk memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban, kita telah mengambil langkah untuk menyiarkan prosiding mahkamah yang dijalankan secara dalam talian untuk tontonan orang awam. Sebagai tambahan, kita juga telah menyiarkan upacara pelantikan hakim agar orang awam dapat menghargai proses tersebut, terutamanya upacara mengangkat sumpah, yang bukan sekadar istiadat semata-mata tetapi kehendak undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan.

[57] Badan Kehakiman tidak melupakan golongan muda. Projek *Courtroom to Classroom* atau 'MYC2C', yang dilancarkan tidak lama dahulu adalah merupakan medium Badan Kehakiman untuk mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai profesyen undang-undang dan institusi kehakiman. Ini dilakukan oleh hakim dan pegawai kehakiman yang melawat sekolah untuk mengajar para pelajar mengenai sistem perundangan negara. Sukacita saya memaklumkan bahawa projek ini telah diterima baik oleh orang awam. Pada tahun 2021, usaha

ini akan diteruskan dengan lebih bertenaga. Kita telah merancang sukatan pelajaran atau modul tertentu untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya di tiga lokasi berbeza di Kedah, Johor dan Sarawak.

[58] Badan Kehakiman kekal komited untuk meneruskan pelaksanaan projek Mahkamah Bergerak di mana Hakim dan kakitangan mahkamah membawa Mahkamah kepada orang awam – terutamanya yang berada di daerah terpencil – dengan kesungguhan yang lebih besar pada tahun yang akan datang ini.

[59] Untuk orang awam membiasakan diri dengan Mahkamah, kita sedang berusaha untuk mewujudkan platform Mahkamah Maya. Platform ini pada asasnya adalah pautan di laman web yang membolehkan orang awam melayari Mahkamah secara maya dan melihat sendiri struktur Mahkamah yang disediakan. Pada masa ini, media interaksi ini hanya berkaitan dengan Istana Kehakiman. Kita merancang untuk mengembangkannya ke semua Mahkamah di seluruh Malaysia.

D. Komitmen Untuk Mendukung Kedaulatan Undang-undang

[60] Selain daripada kemajuan teknologi dan prasarana fizikal, apa yang paling utama ialah sumber manusia. Setiap anggota Badan Kehakiman mestilah memiliki kualiti integriti, kompetensi dan kecekapan di samping sentiasa mengingati bahawa sebagai hakim, kita tidak berpihak kepada sesiapa pun kecuali undang-undang. Tanpa ciri-ciri utama ini, keadilan tidak akan dapat dicapai dan kita akan gagal dalam melaksanakan tanggungjawab.

[61] Saya mengulangi komitmen Badan Kehakiman untuk melaksanakan keadilan menurut undang-undang, tanpa rasa takut atau pilih kasih. Keputusan mahkamah adalah berdasarkan apa yang dinyatakan oleh undang-undang dan keterangan yang dibuktikan; tidak ada tempat di Mahkamah untuk sebarang syak wasangka, berat sebelah atau pilih kasih. Hakim dan semua Pegawai Kehakiman adalah bebas untuk mengaplikasikan undang-undang tanpa mengambil kira kehendak mana-mana kumpulan tertentu atau pendapat umum.

[62] Kita akan berusaha untuk menjamin kebebasan, menyelesaikan pertikaian undang-undang dengan cekap dan tidak berat sebelah, memberikan perlindungan yang sama rata kepada semua tanpa mengira latar belakang dan memastikan proses undang-undang yang sewajarnya.

[63] Kita akan mengekalkan keutuhan dan kebebasan Badan Kehakiman – sumber utama Kedaulatan Undang-undang. Kita akan meneruskan usaha untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap badan kehakiman, sama ada melalui keputusan/penghakiman dan perbicaraan yang adil.

Kesimpulan

[64] Bagi Badan Kehakiman, terdapat kebenaran dalam ungkapan “kesulitan melahirkan inovasi”. Saya ingin katakan bahawa apa yang telah dicapai dalam setahun ini adalah lebih daripada apa yang telah dicapai dalam dekad terdahulu sekiranya dibandingkan dengan masa yang telah diambil di awal pelaksanaan e-Kehakiman. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pemegang taruh, Peguam Negara, pegawai-pegawai Perundangan, Majlis Peguam,

Pertubuhan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguambela Sarawak, dan orang awam yang telah menyokong perubahan-perubahan positif ini.

[65] Izinkan saya untuk berkongsi, secara ringkas, statistik berkenaan dengan perbicaraan dalam talian bagi tempoh antara bulan Mac dan Disember 2020.

[66] Mahkamah Tinggi di Malaya dan di Sabah dan Sarawak telah melupuskan sejumlah 5,663 kes daripada 7,544 kes yang ditetapkan untuk perbicaraan dalam talian. Ini merupakan kadar pelupusan yang agak baik iaitu sebanyak 75%.

[67] Di Mahkamah Rayuan, sebanyak 484 daripada 1,122 rayuan yang ditetapkan untuk pendengaran dalam talian telah dilupuskan iaitu sebanyak 43%.

[68] Di Mahkamah Persekutuan, sebanyak 345 kes (rayuan sivil dan jenayah termasuklah usul kebenaran untuk merayu) telah ditetapkan untuk pendengaran dalam talian dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 164 kes telah dilupuskan. Dari segi peratusan ia sebanyak 48%.

[69] Bagi Mahkamah Rendah, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen di seluruh Malaysia telah menetapkan sebanyak 12,733 kes untuk pendengaran dalam talian. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5659 kes telah dilupuskan. Mahkamah Rendah telah mencapai pelupusan sebanyak 44%.

[70] Saya percaya bahawa jika semua pihak kekal komited, kita akan mencapai pelupusan yang lebih baik menerusi pendengaran dalam talian tanpa menjejaskan keadilan dan kualiti sesuatu keputusan/penghakiman.

[71] Saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada semua anggota Badan Kehakiman atas sokongan dan komitmen mereka yang berterusan. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada semua pegawai kehakiman yang telah menyokong Badan Kehakiman dalam peralihan besar ke ruang siber, khususnya kepada pegawai-pegawai yang telah membantu hakim dalam menyediakan salinan lembut fail kes-kes untuk perbicaraan dan menyediakan peralatan serta memastikan kelancaran proses perbicaraan dalam talian. Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada kakitangan sokongan termasuklah juruteknik dan jurubahasa.

[72] Masih banyak tugas yang perlu dilakukan. Disebabkan PKP dan keengganan pihak-pihak pada awalnya untuk mengendalikan kes-kes secara dalam talian, kita sekarang mempunyai kes-kes tertunggak. Badan Kehakiman berharap dapat menangani tunggakan ini dengan menambah kekerapan persidangan dan meningkatkan bilangan kes yang ditetapkan bagi setiap persidangan. Dalam hal ini, Badan Kehakiman semestinya memerlukan sokongan lanjut dan sinergi daripada semua pemegang taruh.

[73] Akhir kata, bagi pihak Badan Kehakiman Malaysia, saya sekali lagi ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua dan semoga semuanya sentiasa selamat dan sihat.

Terima kasih.

Tarikh: 31 Disember 2020.

NEW YEAR MESSAGE
FROM
